

PERPUSTAKAAN MELAYU

Dewan Bahasa dan Pustaka Mula Bekerja

Dengan tujuan hendak memajukan bahasa Melayu hingga dapat digunakan sebagai bahasa rasmi kerajaan dan bahasa pelajaran dengan secepat-cepatnya maka Dewan Bahasa dan Pustaka pada bulan yang lalu telah membentuk beberapa bahagian, di antaranya bahagian menyusun kamus yang ditugaskan mengumpul segala perkataan Melayu dan menetapkan maknanya yang dipakai pada hari ini. Jika sesuatu fikiran baharu tidak ada perkataan Melayunya, maka akan dibentuk perkataan baharu atau akan diambil dari bahasa asing mengikut garis petua yang telah ditetapkan oleh kongres bahasa yang lalu.

Bahagian menyusun kamus ini ditugaskan kepada Tuan Muhammad Hanif menjadi pengarang tetap.

Bagi membantu pekerjaan membentuk istilah-istilah baharu ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menubuhkan dua buah jawatankuasa, iaitu jawatankuasa istilah kerajaan dan jawatankuasa istilah ilmu sains dan teknik.

Jawatankuasa-jawatankuasa istilah ilmu pengetahuan cawangan-cawangan yang lain lagi akan ditubuhkan satu demi satu dan segala hasil pekerjaannya akan disiarkan kelak, dan akhirnya dibukukan jadi kamus.

“Jawatankuasa istilah kerajaan” ini, kewajipannya membuat nama pejabat-pejabat dan jawatan-jawatan kerajaan untuk digunakan kelak di seluruh Tanah Melayu. Anggota

jawatankuasa ini dipilih dari ahli-ahli undang-undang, pegawai-pegawai pemerintah dan ahli-ahli bahasa, iaitu tuan-tuan: Pendeta Za’ba, Ahmad Perang, Pegawai Kewangan Negeri di Johor, C. Sekinar, Pensyarah Bahasa Melayu Universiti Malaya, Muhammad Sufian, Penasihat Undang-undang Negeri Johor, Abdul Samad Ismail, Pengarang Utusan Melayu, Abdullah Muhammad, Pegawai Daerah Muar, Abdullah Siddiq, Guru Besar Sekolah Melayu, Air Molek, Johor Bahru, Ramli Abdul Hadi, juruhebah radio Malaya, bahagian Melayu, disertai oleh Pegawai-pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jawatankuasa itu telah menjalankan pekerjaannya dengan lancar semenjak 15 Januari yang lalu dan terus pada tiap-tiap minggu hingga sekarang dengan dipengerusikan oleh Ungku Abdul Aziz Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sebuah jawatankuasa istilah ilmu sains dan teknik juga sudah ditubuhkan terdiri daripada ahli-ahli sains, jurutera, pegawai tanaman, pegawai kehutanan, pegawai pejabat pos dan pegawai pejabat cetak mencetak. Daftar istilah ilmu sains dan teknik yang belum ada di dalam Bahasa Melayu telah diperedarkan kepada sekalian anggota jawatankuasa ini untuk dipelajari terlebih dahulu dan pada awal bulan Februari telah dimulakan pekerjaannya membentuk istilah-istilah baharu Bahasa Melayu.